







SIDANG AKADEMIK 2019/2020 SEMESTER 1
PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
Pgt 223- KAEDAH MENGAJAR Geografi 1
LAPORAN TUGASAN – GEOGRAFI KAWASAN
NOTA GEOGRAFI TINGKATAN 2

Tutorial: Khamis 11AM-12PM

Tarikh Penghantaran : 16 DISEMBER 2019

Disediakan untuk : PROFESOR MADYA DR. MOHAMMAD ZOHIR BIN AHMAD @ SHAARI

Imej	Nama	No Matrik
	NGAN PING PING	136404
	TING TZE KIONG	136509
	TUNG LIEW HUI	136510
	MUHAMMAD NOR HAZIQ BIN NOR ZA'IM	136398

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN (RPH)

Subjek	Geografi	Hari	Selasa
Tingkatan	Tingkatan 2	Tarikh	26/ 11/2019
Bilangan Murid	15	Jangka Masa	10.30 - 11.30 pagi

Standard Kandungan	Jenis dan kemajuan pengangkutan di Asia		
Standard pembelajaran	8.1	Mengenal pasti jaringan landasan kereta api, lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Asia.	
	8.2	Menghuraikan kemajuan pengangkutan di Asia.	

Objektif Pembelajaran:	
Pada akhir pembelajaran, murid dapat:	
1.	Menamakan jaringan landasan kereta api, lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Asia.
2.	Menentukan lokasi jaringan landasan kereta api, lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan pada peta benua Asia
3.	Menjelaskan salah satu jenis kemajuan pengangkutan di negara Asia.
Elemen Merentasi Kurikulum (EMK)	Bahasa, kreativiti dan inovasi, sains dan teknologi
BBB	Peta benua Asia, gambar berkaitan dengan pengangkutan di Asia
Pengetahuan Sedia Ada	Murid tahu tentang pengangkutan yang terdapat di Malaysia. Murid telah mempelajari bab 5 yang berkaitan dengan pengangkutan di Malaysia.

Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Harian (RPH)

Langkah-langkah Perkembangan:

Langkah	Isi Pelajaran	Aktiviti Guru	Aktiviti Pelajar	Catatan
Induksi Set (5 minit)	1. Jenis pengangkutan di Asia	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan kelas dalam keadaan bersih dan kemas sebelum PdP dijalankan. Guru menunjukkan gambar- gambar berkaitan jenis pengangkutan. Guru menanyakan soalan berkaitan dengan gambar yang ditunjukkan kepada murid. Murid diminta untuk mengaitkan gambar dengan standard kandungan harian ini. (Penglibatan) Guru memberitahu standard kandungan hari ini kepada murid. 	<ol style="list-style-type: none"> Murid menerima arahan daripada guru. Murid melihat gambar yang ditunjukkan oleh guru. Murid menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Murid mengaitkan gambar dengan standard kandungan. Murid mendengar standard kandungan yang diberitahu oleh guru. 	Tujuannya ialah supaya murid tertarik dengan gambar yang ditunjukkan dan akan menimbulkan rasa ingin tahun serta fokus terhadap topik pembelajaran yang akan disampaikan.
Langkah 1 Menyampaikan isi pembelajaran (20 minit)	<ol style="list-style-type: none"> Jenis pengangkutan di Asia - udara - air - darat Kemajuan pengangkutan di Asia 	<ol style="list-style-type: none"> Guru menerangkan jenis dan kemajuan pengangkutan di Asia dengan menggunakan buku teks dan meminta murid mencatat isi penting. Guru menanyakan beberapa soalan mengenai jenis dan kemajuan pengangkutan di Asia. 	<ol style="list-style-type: none"> Murid mendengar penerangan guru. Beberapa murid menjawab soalan yang ditanya oleh guru. 	Teknik menerang dan menyoal soalan telah digunakan untuk mengukuhkan tahap kefahaman murid.
Langkah 2 (15 minit)	1. Jenis pengangkutan di Asia - udara	1. Guru membahagikan murid kepada 3 kumpulan dan setiap murid akan diberi satu	1. Murid dibahagikan kepada 3 kumpulan dan setiap murid mendapatkan satu	Teknik perbincangan kumpulan telah

	<ul style="list-style-type: none"> - air - darat 	<p>jenis pengangkutan di Asia.</p> <p>2. Guru menerangkan tugas yang perlu dilakukan, iaitu meminta murid berbincang dengan ahli kumpulan dan seterusnya melekatkan jenis pengangkutan yang diperoleh pada peta benua Asia di papan putih.</p>	<p>jenis pengangkutan di Asia yang disediakan oleh guru.</p> <p>2. Murid mendengar penerangan yang berkaitan dengan tugas yang perlu dilakukan dan memulakan perbincangan mereka. Seterusnya, mereka melekatkan jenis pengangkutan yang diperoleh pada peta benua Asia di papan putih.</p>	<p>dilakukan supaya murid dapat bekerjasama untuk menentukan lokasi pengangkutan di Asia.</p>
Langkah 3 (15 minit)	1. Kemajuan pengangkutan di Asia	<p>1. Guru memberi satu kertas manila kepada setiap kumpulan.</p> <p>2. Guru meminta setiap kumpulan berbincang dan membuat peta i-Think yang berkaitan dengan kemajuan pengangkutan di Asia.</p> <p>3. Guru menginginkan wakil dari setiap kumpulan membentangkan poin-poin yang ditulis dalam kertas manila.</p>	<p>1. Murid masih duduk secara berkumpulan. Setiap kumpulan mendapatkan kertas manila yang disediakan oleh guru.</p> <p>2. Setiap kumpulan berbincang dan membuat peta i-Think yang berkaitan dengan kemajuan pengangkutan di Asia.</p> <p>3. Wakil murid dari setiap kumpulan membentangkan poin-poin yang ditulis dalam kertas manila kad.</p>	<p>Pembentangan dapat mengukuhkan pemahaman murid dan mempertingkatkan kemahiran pembentangan murid serta keyakinan murid.</p>

<p>Penutup (5 minit)</p>	<p>Rumusan isi pelajaran, iaitu jenis dan kemajuan pengangkutan di Asia</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru meminta seorang murid untuk merumuskan apa yang dipelajari hari ini. 2. Guru merumuskan pembelajaran secara keseluruhan hari ini. 3. Guru mengemukakan beberapa soalan secara rawak untuk memastikan kefahaman murid terhadap topik yang dipelajari. 4. Guru meminta murid membuat latihan yang terdapat dalam buku latihan. 5. Guru meminta murid membaca subtopik yang seterusnya. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid yang diminta membuat rumusan telah membuat rumusan yang berkaitan dengan isi yang dipelajari. 2. Murid mendengar rumusan pembelajaran secara keseluruhan oleh guru. 3. Murid menjawab soalan-soalan yang diutarakan. 4. Murid mencatat muka surat bagi latihan yang perlu dibuat. 5. Murid mencatat subtopik yang perlu dibaca. 	<p>Dengan mencuba membuat rumusan, murid dapat mengetahui apa yang diajar dalam kelas.</p> <p>Teknik pertanyaan dapat mengukuhkan ilmu yang disampaikan oleh guru. Tugas perlu diserahkan pada hari Rabu.</p>
------------------------------	---	--	--	---

Penilaian sendiri:

Semua murid telah dapat menguasai jenis dan kemajuan pengangkutan di Asia yang dipelajari. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada hari ini mencapai objektif 1, objektif 2 dan objektif 3.

Disiplin kelas:

Kerjasama antara murid boleh dilihat dalam kalangan murid semasa membuat tugas dalam kumpulan kerana murid -murid berjaya menghasilkan satu peta i- Think yang berkaitan dengan kemajuan pengangkutan di Asia dengan baik.

Ulasan Penyelia:



SIDANG AKADEMIK 2019/2020 SEMESTER 1

PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

Pgt 223- KAEDAH MENGAJAR Geografi 1





LAPORAN TUGASAN –

Laporan Soal selidik terhadap murid-murid Geografi

Tutorial: Khamis 11AM-12PM

Tarikh Penghantaran : 16 DISEMBER 2019

Disediakan untuk : PROFESOR MADYA DR. MOHAMMAD ZOHIR BIN AHMAD @ SHAARI

Imej	Nama	No Matrik
	NGAN PING PING	136404
	TING TZE KIONG	136509
	TUNG LIEW HUI	136510
	MUHAMMAD NOR HAZIQ BIN NOR ZA'IM	136398

Laporan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran Geografi.

Kumpulan kami membuat kajian mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran Geografi dengan memberi borang soal selidik yang telah kami buat kepada lima orang pelajar Tingkatan 1 yang melanjutkan pelajaran di SMKJ Phor Tay untuk diisi. Borang soal selidik yang kami buat mengandungi empat soalan. Soalan pertama adalah “Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?”. Soalan kedua pula adalah “Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?”. Soalan ketiga adalah “Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda sukai? Mengapa?” dan soalan keempat adalah “Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?”.

Kelima-lima murid mempunyai jawapan yang berbeza. Jawapan bagi soalan pertama iaitu “Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?” adalah:

Viadiyilia: “Ya, kerana seronok untuk belajarnya.”

Daniel: “Tidak, kerana ada banyak nak ingat.”

Muhd Haikal Amirul: Ya, dapat belajar benda baru.”

Nur Alia Natasya: Ya, kerana kita dapat mempelajari banyak benda-benda yang berfaedah.”

Lee Wei Shen: Tidak suka. Kerana geografi sangat susah.”

Berdasarkan jawapan yang diberikan, kami mendapati bahawa terdapat 3 orang murid mempunyai minat terhadap mata pelajaran geografi dan 2 orang murid tidak mempunyai minat terhadap geografi. Seperti yang diketahui, apabila seseorang murid tidak mempunyai minat terhadap sesuatu subjek, murid tersebut tidak akan mempunyai sifat ingin tahu terhadap perkara yang diajar dalam subjek tersebut. Oleh itu, adalah merupakan tanggungjawab guru untuk memupuk minat murid terhadap mata pelajaran geografi. Pada pandangan kami, seseorang guru perlu berusaha mewujudkan persekitaran yang sesuai dengan topik yang ingin diajar supaya murid dapat menarik perhatian murid.

Jawapan bagi soalan kedua iaitu “Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?” adalah:

Viadiyilia: “Menyuruh kita untuk menghafal bab-bab yang penting dan suruh kita baca.

Daniel: “Dengan video ataupun Quiz.”

Muhd Haikal Amirul: “Dengan buku latihan, buku teks dan video.”

Nur Alia Natasya: “Dia menyampaikan pengajaran yang sangat mudah difahami.”

Lee Wei Shen: “Guna video dan buku teks.”

Berdasarkan jawapan yang diberikan, kami mendapati bahawa terdapat guru yang menggunakan kaedah pengajaran yang tradisional semasa mengajar geografi iaitu, dengan menyuruh murid menghafal bab-bab yang penting dan suruh mereka baca. Selain itu, guru juga menyampaikan pengajaran dengan menggunakan buku teks, buku latihan, mengadakan Quiz dan menayangkan video yang berkaitan dengan topik yang diajar.

Jawapan bagi soalan ketiga iaitu “Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda suka? Mengapa?” adalah:

Viadiyilia: “Menyuruh kita menghafal bab-bab yang penting supaya kita dapat menjawab dengan mudah.

Daniel: “Quiz. Menguji minda.”

Muhd Haikal Amirul: “Video. Dapat menonton benda baru.”

Nur Alia Natasya: “Menyuruh kita melukis peta dan mewarnai peta tersebut kerana kita senang faham kalau melukis peta.”

Lee Wei Shen: “Bagi saya, tengok video kerana tidak perlu baca buku.”

Berdasarkan jawapan yang diberikan, kami mendapati bahawa terdapat murid yang suka kaedah pembelajaran tradisional iaitu guru menyuruh mereka menghafal bab-bab yang penting kerana ia dapat membantu mereka menjawab soalan peperiksaan dengan mudah. Terdapat juga murid yang suka diuji minda, iaitu dengan mengadakan Quiz dan terdapat juga murid yang suka

guru menyampaikan pelajaran dengan menayangkan video. Hal ini menunjukkan bahawa sebagai seorang guru, cara penyampaian pelajaran perlu berbeza dan bersesuaian kerana setiap murid mempunyai cara yang berbeza untuk memahami topik pembelajaran.

Jawapan bagi soalan keempat iaitu “Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?” adalah:

Viadiyilia: “Setuju kut, kerana kita tidak akan berasa bosan di kelas.”

Daniel: “Tidak, tak larat nak dengar.”

Muhd Haikal Amirul: “Setuju. Tidak bosan.”

Nur Alia Natasya: “Ya. Kerana menyampaikan pembelajaran yang sangat menarik tidak senang bosan terhadap pembelajaran tersebut.”

Lee Wei Shen: “Ok. Kerana tidak bosan.”

Berdasarkan jawapan yang diberikan, kami mendapati bahawa terdapat empat orang murid yang menyetujui pernyataan “cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi” dan hanya seorang murid yang tidak menyetujui pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa guru perlu menyampaikan topik yang ingin diajar dengan menarik supaya murid lebih minat terhadap mata pelajaran geografi. Contohnya, guru boleh mengadakan aktiviti yang berlainan dan bersesuaian dengan topik yang ingin diajar seperti dengan menggunakan kaedah lakonan dan menggunakan bahan bantu mengajar ICT dan multimedia. Arahan yang diberikan oleh guru mesti jelas apabila mengadakan aktiviti supaya murid jelas terhadap apa yang ingin disampaikan.

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama:

Jantina:

Umur:

Nama sekolah:

Kelas:

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

- 1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

- 2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

- 3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda suka? Mengapa?

- 4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

Bukit Borang Soal Selidik Yang Diisi oleh Pelajar

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama: Muhd Hafid Amiru

Jantina: ~~laki~~ Lelaki

Umur: 13

Nama sekolah: SMSJK Phor Tay

Kelas: 1B5

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

~~Ya~~ Ya, dapat ~~lihat~~ belajar ~~dan~~ benda baru.

2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

Dengan buku latihan, buku teks dan video.

3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda sukai? Mengapa?

Video, dapat menonton benda baru

4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

Setuju, tidak bosan

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama: Lee Wei Shan

Jantina: lelaki

Umur: 13

Nama sekolah: Phor Tay

Kelas: 1B5

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

~~Tidak~~ Tidak suka, kerana geografi sangat susah.

2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

~~Sangat baik~~ Sangat baik. Cara video dan buku teks

3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda sukai? Mengapa?

Bagi saya, tengok video, ^{kerana} tidak perlu membaca buku.

4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

OK, kerana tidak bosan.

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama: Nur alia natasya

Jantina: perempuan

Umur: 13

Nama sekolah: SMJK PHOR TAY

Kelas: 1B5

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

Ya, kerana kita dapat mempelajari banyak

benda-benda yang berfaedah.

2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

Da menyampaikan pengajaran yang sangat

~~mudah~~ mudah difahami.

3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda sukai? Mengapa?

Menyuruh kita melukis peta dan mewarna

peta tersebut kerana kita senang paham kalau melukis peta.

4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

pembelajaran

Ya, kerana ~~da~~ menyampaikan yang sangat

menarik dan ^{Tidak} ~~tidak~~ senang bosan terhadap pembelajaran tersebut.

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama: Daniel

Jantina: lelaki

Umur: 13

Nama sekolah: SMSJK Phor Tay

Kelas: 1B5

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

Tidak ~~ya~~, kerana ada banyak nak ingat

2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

Dengan video ataupun Quiz

3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda sukai? Mengapa?

Quiz, menguji kepala

4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

Tidak, ~~tidak~~ ~~tidak~~ Tak larat nak belajar

Borang soal selidik yang mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

Bahagian A: Maklumat Murid

Nama: VIADYLIA

Jantina: Perempuan

Umur: 13 ~~14~~

Nama sekolah: SMJK PHOR TAY

Kelas: 1B5

Bahagian B: Soalan mengenai minat murid Tingkatan 1 terhadap mata pelajaran geografi.

1) Adakah anda minat mata pelajaran geografi? Mengapa?

Ya, kerana seronok untuk belajarnya.

2) Bagaimana guru mata pelajaran geografi anda menyampaikan pengajarannya dalam kelas?

Menyuruh kita untuk menghafal bab-bab yang penting dan suruh kita membaca.

3) Berdasarkan jawapan yang anda berikan dalam soalan 2, yang manakah cara penyampaian guru mata pelajaran geografi anda yang paling anda suka? Mengapa?





Menyuruh kita menghafal bab-bab yang penting

kerana kita dapat menjawab dengan mudah.

4) Cara penyampaian guru mata pelajaran geografi yang menarik telah menyebabkan saya minat terhadap mata pelajaran geografi. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan tersebut? Mengapa?

Setuju kut, kerana kita tidak akan berasa bosan di kelas.

Gambar Murid Menjawab Borang Soal Selidik



Refleksi Diri Simulasi Pengajaran Geografi

Nama : Ngan Ping Ping

No. matrik : 136404

Kekuatan diri

Kekuatan saya dalam simulasi kaedah mengajar geografi 1 adalah saya telah membuat perancangan sebelum memulakan simulasi mengajar. Saya dan ahli kumpulan telah menyiapkan rancangan pengajaran sebelum menjalankan simulasi mengajar. Hal ini telah menyebabkan simulasi mengajar kumpulan kami dapat dijalankan mengikut perancangan dan berjaya dijalankan pada masa yang ditetapkan. Sebagai seorang bakal guru, perancangan sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting dan amat diperlukan kerana ia dapat membantu guru mengetahui subjek yang perlu diajar dan aktiviti kelas yang sesuai dilakukan dalam masa yang diperuntukkan.

Selain itu, alat bantu mengajar yang saya buat telah berjaya menarik perhatian murid. Saya telah menghasilkan satu peta benua Asia yang besar supaya dapat dilihat oleh semua murid. Sebagai seorang bakal guru, saya mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai amat penting dalam menarik perhatian murid.

Di samping itu, saya dapat mengawal kelas dengan baik kerana saya telah mewujudkan komunikasi dua hala semasa menyampaikan isi pembelajaran. Saya juga memuji murid apabila murid berjaya menjawab soalan yang saya tanya dengan betul. Hal ini telah menyebabkan murid berasa dihargai dan menarik minat murid untuk menjawab soalan yang seterusnya.

Kelemahan

Kelemahan saya dalam simulasi mengajar adalah suara saya tidak cukup lantang dan lancar. Hal ini telah menyebabkan murid mudah diganggu oleh suara atau bunyi lain semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Selain itu, saya kekurangan keyakinan diri dan berasa cemas semasa simulasi mengajar geografi. Saya juga takut bahawa saya akan menyusahkan rakan-rakan sekumpulan saya yang ingin meneruskan simulasi mengajar.

Di samping itu, sebelum mengakhiri simulasi mengajar, saya hanya meminta seorang murid untuk membuat rumusan sahaja.

Penambahbaikan

Sebagai seorang guru, saya perlu menyampaikan isi pembelajaran dengan suara yang lantang dan menggunakan intonasi yang sesuai. Hal ini demikian kerana penyampaian isi pembelajaran dengan suara yang lantang dan menggunakan intonasi yang sesuai dapat meningkatkan pemahaman murid dan dapat mengelakkan murid daripada diganggu suara atau bunyi lain.

Selain itu, sebagai seorang guru, saya perlu mempunyai keyakinan diri semasa menyampaikan isi pembelajaran. Keyakinan diri pada seseorang guru amat penting kerana murid melihat gerak-geri guru semasa guru mengajar. Keyakinan diri pada seseorang guru akan menyebabkan murid menghormatinya dan menumpu perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Jadi, saya yang merupakan seorang bakal guru perlu percaya dan yakin akan kemampuan yang dimiliki supaya saya dapat menjadi seorang guru yang tabah menghadapi kesusahan dan kegagalan kelak.

Di samping itu, sebelum mengakhiri simulasi mengajar, saya sepatutnya meminta beberapa murid untuk membuat rumusan. Hal ini amat penting supaya kita mengetahui tahap penguasaan murid tersebut dalam topik yang diajar.

Refleksi Diri Simulasi Pengajaran Geografi

Nama : Ting Tze Kiong

No. matrik : 136509

Kekuatan diri

Semasa saya menjalankan pengajaran dan pembelajaran, suara saya adalah lantang dan tegas. Oleh itu, kelebihan atau kekuatan yang dapat dikesan dalam menjalankan PdP iaitu ketegasan dan kelantangan suara. Suara yang lantang akan memudahkan murid mendengar, seterusnya membantu pemahaman murid terhadap apa yang disampaikan oleh guru. Selain itu,

kelantangan suara juga menunjukkan ketegasan dalam menyampaikan sesuatu. Hal ini akan membolehkan murid lebih tertumpu kepada penyampaian isi pelajaran tanpa menghiraukan gangguan-gangguan lain. Bukan itu sahaja, ketegasan dalam menyampaikan pelajaran juga akan membuatkan murid lebih hormat kepada guru.

Selain itu, kejelasan penyampaian bagi seseorang guru juga merupakan sesuatu kekuatan. Apabila guru memberi arahan ataupun menyampaikan isi pelajaran dengan jelas, akan memudahkan murid faham dan mendapatkan maklumat tepat daripada guru. Hal ini juga berkaitan dengan tindakan susulan murid. Tindakan susulan oleh murid yang tepat menunjukkan kefahaman murid terhadap penyampaian guru berkenaan isi pelajaran.

Kelemahan diri

Semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran, saya mendapati PdP saya tidak dapat mengikut masa yang ditetapkan, itu adalah kelemahannya. Ketepatan masa penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran akan menjalankan dengan lebih baik dan lancar. Perbandingan rancangan pengajaran harian saya yang telah dibuat, didapati masa yang digunakan untuk menjalankan sesuatu langkah pengajaran tidak seiring, tetapi masa keseluruhan pengajaran saya tidak terjejas.

Bukan itu sahaja, kelemahan atau kekurangan seterusnya ialah masalah dalam pemantauan kelas. Saya didapati hanya berada di hadapan kelas sahaja tanpa memantau murid yang duduk di penjuru kelas semasa murid membuat lembaran kerja. Guru seharusnya berjalan dan memantau setiap murid. Melalui cara itu, guru dapat mengawal keadaan dan suasana kelas dengan lebih baik.

Penambahbaikan

Setiap kelemahan dan kekurangan yang dikesan perlu menambahbaikkan bagi meningkatkan kualiti pengajaran pada masa akan datang. Berdasarkan kelemahan dan kekurangan dalam pengajaran dan pembelajaran, menambahbaikkan yang perlu dilakukan ialah ketepatan penggunaan masa menyampaikan pelajaran serta pemantauan murid di dalam kelas. Guru perlu menepati ketetapan masa seperti yang ditentukan dalam rancangan pengajaran harian. Ketetapan masa perlu diikuti bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga akan memudahkan guru menyelesaikan setiap bahagian penyampaian pengajaran dari permulaan sesi pengajaran hingga tamat.

Guru perlu sentiasa bergerak dan berjalan ke setiap sudut kelas bagi memantau dan melihat setiap aktiviti yang dilakukan oleh murid ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Kaedah ini sangat membantu guru dalam mengawal murid di dalam kelas, sama ada mengawal tingkah laku murid, atau membantu sesetengah murid yang kurang fahami terhadap pelajarannya secara serta merta. Perkara ini perlu dilakukan oleh setiap guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Ia menunjukkan interaksi dan komunikasi yang berkesan antara guru dengan murid. Oleh yang demikian, saya akan sentiasa meningkatkan kemahiran dan potensi diri supaya boleh melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan lancar lagi untuk murid-murid kita di dalam bilik darjah.

Refleksi Diri Simulasi Pengajaran Geografi

Nama : Muhammad Nor Haziq Bin Nor Za'im

No. matrik : 136398

Seseorang pelajar yang mengikuti kursus pendidikan di universiti akan menempuh alam pekerjaan di sekolah sebagai seorang guru. Pada pendapat saya, pembelajaran secara konstruktif dan teoritikal berjaya melahirkan guru yang berkualiti menerusi pembelajaran pedagogi yang efektif. Sebagai seorang pelajar pendidikan yang masih lagi menuntut dan telah mengambil beberapa kod kursus pendidikan, saya telah merasai pengalaman mengajar secara langsung secara mikro dan pengalaman tersebut akan di tambah baik secara semasa ke semasa untuk diaplikasikan di sekolah kelak.

Melalui perbincangan yang telah kami jalankan, kami telah berjaya mencari input dan maklumat sebagai persediaan untuk mengadakan simulasi pengajaran. Kami lebih menumpukan kepada isi dan maklumat yang terdapat dalam DSKP KSSM yang telah kami peroleh melalui bahan rujukan yang telah kami cari. Persediaan yang baik dilakukan oleh ahli kumpulan saya sebelum melakukan simulasi pengajaran di Studio 2, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang telah ditempah untuk digunakan. Saya ditugaskan untuk mengajar pada bahagian perbincangan dimana saya menggunakan kertas manila kad sebagai ABM dan menyuruh pelajar membentangkan hasil kerja mereka.

Kami juga telah berjaya menarik seramai 12 orang pelajar untuk menjadi pelajar kami semasa simulasi pengajaran berlangsung. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada rakan-rakan saya yang sudi meluangkan masa untuk menjadi pelajar semasa pengajaran mikro saya berlangsung. Saya amat berterima kasih kepada ahl kumpulan saya kerana banyak memberi tunjuk ajar dan memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang perbincangan, sebelum dan selepas pengajaran mikro dan pembentangan kumpulan berlangsung.

Pengajaran secara berstruktur seperti merancang terlebih dahulu melalui rancangan pengajaran harian merupakan sesuatu yang wajib untuk guru mencari hasil pembelajaran yang efektif kepada murid sekolah. Cara pengajaran yang pelbagai dan menggunakan bahan tambahan yang mampu memberikan rangsangan pembelajaran secara langsung kepada murid merupakan suatu elemen yang penting seperti Alat Bantu Mengajar. Bakal guru perlu menimba ilmu dan mempraktikkan nya semasa latihan pengajaran.

Kelemahan

Antara kelemahan yang telah saya kesan ialah intonasi suara guru yang kurang jelas dan nada suara guru yang tidak mempunyai intonasi yang pelbagai merupakan kelemahan utama guru sepanjang simulasi pengajaran berlangsung. Selain itu, guru juga dilihat sedikit gugup dalam menyampaikan pengajaran khususnya semasa guru menerangkan konsep rujukan grid. Saya berjanji untuk membaiki kelemahan yang dikesan semasa pengajaran berlangsung sebagai penambahbaikan semasa proses pengajaran dimasa hadapan

Penambahbaikan

Penambahbaikan yang utama yang perlu saya lakukan adalah masalah kegugupan guru dalam memberi penerangan. Hal ini perlu saya baiki dalam masa ke semasa apabila berhadapan dengan murid. Saya juga berusaha untuk mencarai pendedahan yang maksima untuk mengatasi perasaan gugup semasa melakukan pengajaran kerana keyakinan diri adalah elemen yang paling mustahak untuk guru menyampaikan pengajaran.

Selain itu, saya juga perlu membiasakan diri dengan melontarkan intonasi suara yang lebih menarik. Contohnya, sesuatu perkataan yang ditekankan perlu memberikan nada penegasan supaya pelajar dapat tahu bahawa perkara tersebut adalah penting. Intonasi suara amat penting kepada guru kerana ini adalah salah satu cara untuk menarik minat pelajar emberi perhatian semasa

guru mengajar. Saya juga perlu melatih diri supaya menggunakan nada yang berlainan untuk menjadikan suasana pembelajaran yang lebih menarik.

Sebagai seorang guru, saya berpendapat bahawa menuntut ilmu tidak terhenti di universiti selepas graduasi, tetapi ilmu akan lebih banyak diperoleh semasa alam pekerjaan kelak kerana situasi di university dan di sekolah adalah berbeza. Sungguhpun begitu, ilmu yang dituntut di alam universiti digunakan semasa latihan mengajar nanti dan dari situ, setiap kesalahan yang dikenalpasti semasa mengajar dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa apabila menginjak ke dunia pekerjaan.

Refleksi Diri Simulasi Pengajaran Geografi

Nama : Tung Liew Hui

No. matrik : 136510

Kekuatan diri

Kekuatan saya ialah saya dan ahli kumpulan saya telah memilih topik berkenaan dengan geografi kawasan untuk simulasi pengajaran geografi. Sebelum melakukan simulasi pengajaran, saya telah melakukan perancangan kerja simulasi pengajaran dalam kumpulan saya. Saya dan ahli kumpulan saya membincang dan membuat keputusan untuk membahagikan peranan masing-masing. Saya dan ahli kumpulan saya telah mengadakan perbincangan simulasi pengajaran geografi dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Geografi Tingkatan 2 dan juga buku teks geografi tingkatan 2. Saya dan ahli kumpulan saya juga menghasilkan sebuah rancangan pengajaran sebelum menjalankan simulasi pengajaran kami. Pembinaan rancangan pengajaran geografi sememangnya dapat memberi gambaran kepada seseorang guru dalam memahami topik-topik yang perlu diajar pada hari tersebut dan aktiviti yang boleh dilakukan dalam kelas pada masa yang ditetapkan.

Selain itu, saya juga melakukan penyediaan untuk menguasai topik-topik yang perlu diajar pada hari tersebut supaya pelajar dapat memahami pengajaran yang saya sampaikan. Saya menyediakan nota pengajaran geografi untuk menyatakan fakta yang penting dan kata-kata kunci yang terdapat dalam topik tersebut. Guru perlu menguasai pengetahuan topik-topik geografi secara

baik untuk menyampaikan pengajaran kepada murid secara berkesan. Saya menggunakan papan putih untuk menyampaikan pengajaran saya berkenaan dengan topik sistem pengangkutan di Asia. Rangsangan visual kepada pelajar dengan perkataan yang ditulis di papan putih dan rangsangan audio kepada pelajar daripada sebutan pengajaran telah dilakukan oleh guru. Di samping itu, saya juga melakukan komunikasi antara guru dengan pelajar secara interaksi dua hala. Contohnya, saya mengemukakan soalan kepada murid untuk menjawab demi menguji pengalaman atau pengetahuan sedia ada mereka. Hal ini memudahkan guru untuk melakukan hubungkait pengalaman sedia ada dengan pengetahuan baru dalam kalangan pelajar. Murid dapat berfikir, berimajinasi dan ingat terhadap pengajaran yang disebut oleh guru dengan lebih mudah.

Kelemahan diri

Kelemahan saya ialah saya selalu mengucap dan menghadap ke arah papan putih. Hal ini akan menyebabkan murid mungkin tidak dapat mendengar pengajaran yang saya cuba sampaikan. Tulisan saya di papan putih juga tidak teratur. Hal ini juga akan memberi kesulitan kepada pelajar untuk memahami pengajaran saya kerana murid tidak dapat mengenal pasti susunan tulisan saya dengan jelas. Suara dan intonasi saya yang tidak cukup kuat juga merupakan kelemahan dalam pengajaran geografi. Pelajar tidak dapat mendengar pengajaran yang disampaikan oleh guru dengan jelas. Hal ini telah menyebabkan mereka hilang tumpuan dalam bilik darjah.

Selain itu, saya juga kurang berpengalaman dalam memberi pengajaran kepada murid dalam bilik darjah. Hal ini menyebabkan saya tidak dapat menyesuaikan diri lagi kerana perlu mengambil kira faktor pelajar, masa, pengajaran dan lain-lain. Jadi, saya akan berasa cemas semasa menjalankan simulasi pengajaran geografi kerana ekpestasi diri dan takut diri tidak mampu melakukannya seperti yang dirancang dalam rancangan pengajaran.

Penambahbaikan

Penambahbaikan yang perlu saya lakukan adalah mempertingkatkan ilmu pengetahuan terhadap subjek geografi. Hal ini demikian kerana guru mestilah menguasai sesuatu ilmu bidang dengan baik barulah dapat memberi gambaran dan penjelasan kepada murid dengan cekap. Selain itu, saya perlu meningkatkan lagi suara dan intonasi saya dalam pengajaran supaya murid dapat mendengar pengajaran saya dengan lebih jelas. Suara seseorang guru memainkan peranan sangat

penting untuk memudahkan seseorang murid dalam memahami dengan baik terhadap pengajaran yang disampaikan.

Di samping itu, saya juga akan mempertingkatkan kemahiran saya dalam penggunaan papan putih supaya murid dapat memahami pengajaran yang saya sampaikan dengan lebih berkesan. Tulisan seseorang guru haruslah kemas dan tersusun supaya dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu ilmu. Seterusnya, saya perlu meningkatkan kewibawaan saya sebagai seorang guru. Hal ini demikian kerana pelajar akan lebih menghormati dan mengikut pengajaran dan arahan daripada guru yang berwibawa.

Saya berharap saya dapat membaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat pada diri dan juga mengekalkan kekuatan diri yang sedia ada sebagai seorang guru. Saya yakin bahawa saya dapat menjadi seorang guru geografi yang cemerlang sekiranya selalu melakukan penambahbaikan diri. Guru bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pemupuk sikap pelajar menjadi insan yang berguna dan bertanggungjawab. Contohnya, cikgu geografi perlulah menerapkan nilai menjaga alam sekitar dalam kalangan minda pelajar untuk mewujudkan kelestarian dunia demi kesejahteraan hidup semua.